



**NOTA PERCAKAPAN**  
**YBHG. DATUK JALIL MARZUKI**  
**KETUA PENGARAH BHEUU**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU BIL. 12/2016**  
**5 DISEMBER 2016 (ISNIN), 8.30 PAGI**

**Assalamualaikum w.b.t. & Salam 1Malaysia.**

**Terima kasih Pengacara Majlis,**

**YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha,**  
**Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia,**

**YBhg. Datuk Haini Binti Hassan,**  
**Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman,**

**Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai-pegawai kanan**  
**ketiga-tiga Jabatan, dan**

**Warga BHEUU, JBG & Mdl yang saya kasihi sekalian.**

**[ALUAN]**

- 1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita berkumpul pada perhimpunan bulanan yang terakhir bagi tahun 2016, pada pagi ini.**
- 2. Kita sudah pun berada di penghujung tahun 2016 dan akan melangkah ke tahun 2017 tidak lama lagi. Kita semua sedia maklum bahawa, tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar**

buat Negara khususnya dari segi ekonomi. Dijangkakan, *trend* ketidaktentuan ekonomi dunia ini akan berterusan untuk tahun 2017 dan akan turut memberikan impak kepada rakyat dan Negara.

3. Kerajaan sedar akan kesusahan yang dialami oleh rakyat yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup, kos barangan keperluan yang meningkat dan pelbagai lagi faktor-faktor yang membebankan.
4. Maka, atas kesedaran ini, pelbagai langkah telah dirangka melalui Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Oktober yang lalu, yang mana Bajet 2017 ini adalah bajet yang berteraskan rakyat.

#### [ **BAJET 2017 & MANFAAT KEPADA PENJAWAT AWAM** ]

Warga BHEUU, JBG dan Mdl yang saya kasihi sekalian,

5. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2017 tersebut, keadaan ekonomi global pada masa kini adalah tidak menentu dan di luar kawalan kita.
6. Walaupun ekonomi dunia berada dalam keadaan tidak menentu, Kerajaan berjaya mengawal keadaan ini. Meskipun pendekatan dasar yang diketengahkan oleh Kerajaan merupakan dasar yang tidak popular, namun inisiatif tersebut nyata berjaya menstabilkan ekonomi Malaysia.
7. Untuk makluman, lima (5) Prinsip dan Falsafah Kerajaan telah digariskan sebagai asas pembentukan Bajet 2017 ini, iaitu Kerajaan ini adalah Kerajaan yang:
  - (i) **Pertama:** Mengutamakan kesepaduan nasional dalam pembinaan Negara bangsa;

- (ii) **Kedua:** Mementingkan dan memelihara kedaulatan, keluhuran Perlembagaan dan undang-undang serta keselamatan Negara;
  - (iii) **Ketiga:** Kohesif dan stabil serta bekerja sebagai satu pasukan yang jitu;
  - (iv) **Keempat:** Gigih berusaha, dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan pelaksanaan yang tersusun; dan
  - (v) **Kelima:** Berpandukan kepada falsafah Islami yang Wasatiyyah, merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan.
8. Pelbagai langkah dan inisiatif akan dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi Bajet 2017 berpaksikan pada 5 Prinsip tersebut, yang mana **manfaatnya turut dinikmati oleh para penjawat awam** misalnya:
- kemudahan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa dipanjangkan kepada kumpulan pelaksana;
  - peningkatan had kelayakan jumlah pinjaman perumahan penjawat awam kepada RM200 ribu hingga RM750 ribu;
  - menyiapkan 30 ribu unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dan banyak lagi.
9. Selain itu, dalam Bajet 2017, Kerajaan turut menekankan pelaksanaan **projek dan program “Rakyat Centric”** di kawasan bandar dan luar bandar misalnya menaiktaraf jalan, membaik pulih rumah usang serta mengatasi isu bekalan air.
10. Setiap langkah yang telah digariskan di dalam Bajet 2017 ini dijangka dapat memberikan pelbagai faedah kepada rakyat. Mengambil contoh kemudahan cuti belajar bergaji penuh yang

dinyatakan tadi, kumpulan pelaksana di BHEUU, JBG dan Mdl boleh mengambil peluang tersebut untuk memajukan diri melalui pendidikan lanjutan samada di peringkat Diploma ataupun Ijazah.

## [ TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) ]

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

11. Sebagai sebuah negara berwawasan, Kerajaan juga telah menetapkan tempoh **30 tahun dari tahun 2020 untuk mencapai Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50**. TN50 ini juga telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2017 sebagai satu lagi misi Kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap kemajuan Negara.
12. TN50 adalah satu dasar transformasi yang membawa pembaharuan di mana suara rakyat dijadikan sebagai penentu kepada penetapan misi dan visi Negara. TN50 akan mengambil kira maklumat, pendapat dan buah fikiran daripada rakyat melalui kaedah wacana-wacana nasional, *roadshow* serta *roadmap* yang akan dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ke seluruh negara. TN50 ini juga merupakan satu usaha memperkasakan bukan hanya kaum Bumiputra, malah keseluruhan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.
13. Justeru itu, saya menyeru kepada warga BHEUU, JBG dan Mdl sekalian, sekiranya tuan-tuan dan puan-puan berpeluang mengikuti dan menyertai **wacana-wacana nasional atau *national discourse*** yang akan dijalankan pada masa akan datang, berilah idea-idea yang bernas, yang mampu membawa Malaysia ke arah yang lebih baik. Memetik kata-kata Thomas Alva Edison:

***“To have a great idea is to have a lot of them”***

## [ LAWATAN YAB PERDANA MENTERI KE CHINA ]

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

14. Usaha Kerajaan yang sentiasa komited dan berterusan dalam memantapkan ekonomi Malaysia terbukti hasil daripada lawatan YAB Perdana Menteri ke China pada November lepas.
15. Seperti kita semua maklum, China merupakan Negara yang mempunyai kuasa ekonomi yang paling progresif di rantau ini. Kerjasama dengan Negara China ini membuka peluang dan memberi manfaat kepada Malaysia dalam konteks kerjasama ekonomi dan juga pembangunan berterusan; selain memperkukuhkan hubungan dua hala dari segi politik dan hubungan diplomatik.
16. Dalam lawatan YAB Perdana Menteri ke China, sebanyak 14 pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Perniagaan yang bernilai RM144 bilion telah dilakukan dan ditandatangani.
17. Kejayaan utama yang dicapai sewaktu kunjungan tersebut adalah termeterainya perjanjian untuk membina Landasan Kereta Api Pantai Timur ataupun *East Coast Rail Line* (ECRL). Ini merupakan suatu perkongsian teknologi yang sangat menguntungkan Malaysia, kerana infrastruktur fizikal dan pengangkutan China adalah antara yang berdaya saing di dunia.
18. Projek ECRL ini juga akan memberi manfaat jangka panjang bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi Negara malah kepada rakyat secara keseluruhannya.

## [ PROGRAM ICT DI BHEUU ]

Hadirin yang dimuliakan,

19. Perkembangan teknologi terkini telah mempengaruhi semua negara di peringkat global termasuklah Malaysia untuk melaksanakan transformasi ke arah Kerajaan digital.
20. Oleh itu, sepanjang tahun 2016, beberapa program utama teknologi maklumat atau ICT berjaya dilaksanakan di BHEUU antaranya adalah:
  - (i) **Pertama:** Pelan Strategik ICT BHEUU 2016 – 2020 atau singkatannya PSICT yang merupakan dokumen halatuju strategik bagi merancang dan melaksana projek-projek ICT mulai 2016 sehingga 2020 untuk BHEUU, JBG dan Mdl. PSICT ini merupakan dokumen penting dan memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat;
  - (ii) **Kedua:** Portal rasmi BHEUU (baharu) yang ditambah nilai bagi mematuhi ciri-ciri portal awam terkini dan bagi berkongsi informasi kepada golongan sasaran dengan lebih cepat, tepat dan efektif;
  - (iii) **Ketiga:** Portal NHRAP yang dibangunkan bertujuan memaklumkan bahawa BHEUU sedang menyediakan satu Pelan tindakan di pihak Kerajaan yang akan memastikan elemen-elemen hak asasi manusia diserapkan dalam dasar-dasar Kerajaan sedia ada, dasar-dasar baru serta pelaksanaan program/aktiviti di sektor Kerajaan dan juga bukan Kerajaan;
  - (iv) **Keempat:** Sistem Insolvensi Bersepadu atau pun INSIST yang sedang dilaksanakan oleh Mdl dan

dibangunkan oleh BHEUU bertujuan mewujudkan satu sistem pengurusan kebankrapan dan likuidasi yang bersepadu;

(v) **Kelima:** Sistem-sistem generik yang berfungsi sebagai automasi pejabat seperti Sistem Tanggung Kerja, Sistem Log Latihan, Sistem Pemantauan Kontrak & Perolehan (Sites), Data Bank Mahkamah, Sistem Direktori; dan

(vi) **Keenam:** Program ICT4U Open Day yang merupakan antara program pembudayaan ICT dengan objektif utama untuk mempromosi sistem-sistem yang telah dibangunkan dan juga memaklumkan mengenai perkembangan terkini ICT. Program selama 3 hari, bermula dengan program *ICT Fun Race* telah diadakan pada 29 November 2016, Ceramah Keselamatan ICT pada 30 November 2016 dan Pameran ICT pada 8 Disember 2016 akan datang.

21. Setinggi-tinggi tahniah serta ucapan terima kasih saya kepada semua pegawai yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan semua program yang dinyatakan tadi.

22. Justeru itu, harapan saya semoga dengan wujudnya Pelan Strategik ICT, Portal dan Sistem-Sistem Aplikasi ini, penyampaian perkhidmatan awam amnya dan BHEUU, Mdl dan JBG khususnya, akan terus dapat dimantapkan dan diperkasakan. Moga amanah yang kita bersama laksanakan ini dapat membantu rakyat atau golongan yang terlibat, disamping diterima pula sebagai amal jariah berpanjangan di sisi Allah.

## [ PENUTUP ]

Warga BHEUU, JBG dan Mdl yang saya hormati sekalian.

23. Mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ambillah setiap saranan dan peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan sebagai peluang untuk melengkapkan diri kita dengan pelbagai ilmu yang akan membantu kita meningkatkan kemahiran dan melaksanakan tugas dengan cemerlang.
24. Sebagai penjawat awam, tindak tanduk kita juga haruslah *in-line* dengan matlamat dan aspirasi Kerajaan dan janganlah terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang akan mencemarkan imej perkhidmatan awam.
25. Seterusnya, saya menyeru kerjasama daripada semua agar sama-sama dapat membawa BHEUU, JBG dan Mdl ke tahap yang membanggakan pada tahun hadapan. Biarpun kita menghadapi kekangan peruntukan, marilah kita bersama-sama memainkan peranan sebaiknya dalam mengoptimumkan perbelanjaan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan.
26. Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.